

BAB LIMA

KESIMPULAN

Bab 5

Kesimpulan

Keseluruhan peranan dan fungsi media baik media cetak mahupun elektronik, meninggalkan kesan yang amat besar natijahnya dalam membangunkan atau meruntuhkan pemikiran dan budaya umat. Oleh itu, setiap bahan yang hendak diterbitkan atau disiarkan perlu dirancang, ditulis, dicanai, dikeluarkan dan diedarkan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab yang mendalam berasaskan kepada pertimbangan yang betul, saksama, bijaksana dan meletakkan kepentingan umum mengatasi kepentingan individu atau kelompok tertentu.

Para wartawan dan media (dalam konteks ini dirujuk kepada akhbar) merupakan jambatan maklumat yang sangat penting kepada masyarakat, ibarat mata air yang mengalir keluar dari gunung dan terus menerus mengalir ke bawah tanpa henti-hentinya untuk seisi bumi; bagi memenuhi keperluan dan keinginan mendapatkan maklumat terkini.

Dunia maklumat dan penyebarannya untuk dinikmati oleh khalayak, merupakan satu tugas besar dan berat kepada pengamal-pengamal media. Hal ini samalah sepertimana yang disebut oleh seorang ahli sufi terkenal, Maulana Jalal al-Din Rumi dalam puisinya bertajuk *Mathnawi*:

*Know that the outward form passes away,
but the world of reality remains forever.
How long will you play at loving the shape of the jug?
Leave the jug; go, seek the water!*

Penerangan yang jelas dan penyebaran maklumat yang tepat amat berkesan serta berupaya membentuk dan mengarahkan pandangan umum terhadap sesuatu isu atau gagasan di samping berupaya mencetuskan tindakan terutama yang melibatkan perubahan-perubahan penting dalam isu-isu politik, ekonomi dan sosial.

Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, peranan kaum wartawan adalah sebagai pelaksana demokrasi dan bukan "alat" demokrasi. Oleh itu, media mestilah digunakan untuk memberikan maklumat yang sejelas-jelasnya kepada orang ramai bagi membolehkan mereka menilai sesuatu berita. Di sinilah etika kewartawanan memainkan tanggungjawab mendisiplinkan wartawan (termasuk yang berkuasa di peringkat 'gate-keeper') untuk memberikan maklumat secara adil, benar, tepat dan objektif tanpa pilih kasih (bias) dalam semua laporan mereka. ,

Dunia kewartawanan di kebanyakan negara termasuk Malaysia dan Britain belum lagi mempunyai satu peraturan khusus dan terperinci mengenai soal fitnah atau merosakkan nama baik orang lain dalam pemberitaan (apa yang boleh ditulis

dan apa yang tidak boleh). Dalam hal ini, R.M Taylor mengatakan; ``*The law does not tell us what we may do its lays down, in broad terms, what we may not do...*'¹ oleh itu hanya etika kewartawanan yang memandu para wartawan dalam menjalankan tugas mereka.

Tetapi dengan sekadar mewujudkan etika kewartawanan tanpa mempunyai kuasa untuk menguatkuasa kepada yang melanggar etika tersebut, maka kepentingannya dalam pemberitaan banyak bergantung kepada diri wartawan itu sendiri sama ada ingin mematuhi etika kewartawanan atau sebaliknya mengikut keperluan dan kepentingan diri mereka sendiri. Cuma satu cara, iaitu melalui undang-undang fitnah dan saman malu yang kini masih dianggap sebagai menghambat perasaan wartawan yang cuba berbuat sesuatu yang tidak wajar dari segi etika kewartawanan.

Walau bagaimanapun ada juga orang yang tidak boleh menerima hakikat, bahawa atas nama kebenaran, cerita buruk mengenai diri mereka yang disiarkan oleh media khususnya akhbar; telah menentang dengan sekeras-kerasnya sehingga bertindak luar daripada batas-batas rasional. Pernah berlaku wartawan yang tidak bersalah menjadi mangsa ketika dalam bertugas, sepertimana yang dilaporkan dalam akhbar *The Sunday Times*, 8 April 1990 di mana

¹ R.M Taylor, *Essential Law for Journalists*, Staples Press London, 1954, hlm. 121

wartawan David Hodge telah dipukul mati semasa sedang bertugas.²

Kata pepatah Melayu ``berani kerana benar, takut kerana salah'' menjadi pegangan wartawan di samping etika kewartawanan yang menjadi panduan mereka. Gelaran wartawan sebagai estate ke empat menjadi sah dan diiktiraf oleh dunia apabila Richard Nixon dinaikkan dan dimenangkan oleh akhbar dalam pertandingan penggal ke duanya di mana beliau mendapat kemenangan besar dalam pertandingan jawatan Presiden Amerika dengan lawannya George Mc Govern pada tahun 1972,³ walaupun akhirnya dijatuhkan oleh dua orang wartawan *Washington Post*, Bob Woodward dan Carl Bernstein kerana Skandal *Watergate*. Kedua-dua wartawan *Washington Post* ini telah bertindak dengan jujur mengikut tradisi kewartawanan yang berlandaskan etika kewartawanan.⁴

Sebagai sebuah negara demokrasi seperti Malaysia, kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat melalui media masih terkawal di mana takrif kebebasan akhbar yang menjadi simbol kepada kewibawaan profesionalisme

² Andrew Boyd, *Broad Journalism*, 3rd Edition, The Bath Press, London, 1988, hlm. 88

³ Maxwell E. McLom dan Donald L. Shaw, *op.cit.*, hlm. 65

⁴ Isu-Isu Komunikasi Massa, *op.cit.*, hlm. 196

kewartawanan masih lagi mengikut acuan kita sendiri yang terkandung dalam teori tanggungjawab sosial. Pada umumnya etika kewartawanan amat dihormati dan diamalkan oleh para wartawan tanah air; kecuali beberapa kes tertentu berlaku pelanggaran dengan nyata.

Kewujudan kewartawanan Malaysia mengikut acuannya sendiri dalam mentakrifkan kebebasan bersuara, maka terdapat pihak yang melihat peranan wartawan begitu penting untuk menyerang kembali ketidakadilan media Barat dalam memberi laporan berat sebelah terhadap Malaysia. Bernama, 18 Feburari 1999 memetik kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding yang mencadangkan media tempatan bersatu dalam memerangi laporan tidak tepat yang berterusan mengenai Malaysia oleh sebilangan wartawan asing.

Berdasarkan peranan wartawan yang dianggap nadi dalam sesebuah media, maka liputan mengenai kepimpinan GAPENA yang merupakan kes kajian pertama pengkaji membuat hipotesis bahawa tidak wujud kesaksamaan dalam laporan isu kepimpinan GAPENA dalam akhbar *UM*. Dalam analisis kandungan yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa 15 daripada 18 buah berita atau 83.3% berita yang disiarkan oleh akhbar *UM* mengenai GAPENA adalah berita yang condong ke arah memberi pendapat, pandangan dan kenyataan dan

disiarkan oleh akhbar *UM* (impartial). Sikap memihak akhbar *UM* terhadap Ahmad Sebi dan tidak memberi kesaksamaan dan keadilan kepada Ismail Hussein adalah merupakan satu perbuatan yang melanggar etika kewartawanan dari segi menjawab, objektiviti dan tanggungjawab wartawan itu sendiri yang mesti melaporkan berita yang benar berdasarkan fakta. Sikap memihak dalam pemberitaan yang dilakukan oleh akhbar *UM* dari awal hingga akhir sepanjang kempen pemilihan GAPENA, menyebabkan keseluruhan proses pemberitaan dan penyiaran GAPENA itu melanggar etika kewartawanan.

Dalam isu kepimpinan GAPENA, akhbar *UM* memang mempunyai agenda sendiri. Dalam laporan mengenai badan gabungan itu, akhbar *UM* tidak objektif dan kelihatan terlalu terikat dengan agenda yang telah ditetapkan. Keadaan ini telah mendorong ke arah pelanggaran etika dalam setiap rencana dan berita yang dilaporkan mengenai kepimpinan GAPENA 1994. Rencana-rencana yang disiarkan terlalu "menekan" kepimpinan GAPENA untuk memberi tempat kepada calon Ketua Satu, Ahmad Sebio. Sikap *UM* memihak kepada Ahmad Sebi itu begitu ketara sehingga khalayak pembaca dapat memahami dengan jelas melalui laporan-laporan terhadap kepimpinan GAPENA ini. Pengkaji mendapati *UM* masih lagi mengeneipkan semua berita-berita mengenai GAPENA selepas pemilihan pucuk pimpinan GAPENA pada 23

April 1994. Hal ini seolah-olah sudah difahami oleh anggota Jabatan Pengarang *UM*, walaupun tidak ada arahan bertulis dikeluarkan oleh KP-*UM*, tetapi para pengendali berita sudah dapat memahami agenda *UM* ke atas GAPENA.

Sementara dalam kes politik ARTC yang didakwa mempunyai hubungan sulit dengan gadis bawah umur, akhbar *UM* telah bertindak mensensasikan laporan tersebut. Berdasarkan analisis kandungan berita, pengkaji mendapati bahawa pelanggaran etika kewartawanan oleh akhbar *UM* disebabkan oleh corak laporan yang tidak seimbang lantaran berita itu dibuat berdasarkan pendapat, pandangan, kenyataan, tidak objektif dalam laporan, tiada hak menjawab diberikan dan ketiadaan tanggungjawab wartawan itu sendiri. Keadaan ini ditambah pula dengan penentuan agenda oleh akhbar *UM* yang mengeksploitasikan liputan politik ARTC tanpa memberi keadilan dan kesaksamaan kepada ARTC. Pelanggaran etika kewartawanan jelas berlaku apabila akhbar *UM* membuat dakwaan terhadap ARTC dan sekaligus memperlihatkan kepada khalayak ARTC sebagai seorang pesalah dan kalau inilah agenda akhbar maka ternyata usaha itu telah berhasil. Kemuncak kepada tekanan itu ialah perletakkan jawatan ARTC daripada semua jawatan dalam kerajaan dan parti iaitu selepas akhbar *UM* berjaya mendominasi berita beliau dalam setiap keluaran akhbar *UM* selama 17 hari.

BAB LIMA

KESIMPULAN

Bagi membendung gejala pelanggaran etika kewartawanan ini daripada terus berlaku dalam dunia kewartawanan di negara ini, maka pengkaji mencadangkan perlunya sebuah badan khusus yang berkecuali dibentuk bagi tujuan melaksanakan tugas-tugas profesionalisme kewartawanan. Antara tindakan mengawal perilaku para pengamal media ialah pembentukan Majlis Wartawan atau dikenali juga sebagai Majlis Akhbar (Press Council).

Melalui badan ini, para pengamal media diberi lesen pengamal profesion kewartawanan dan lesen pengamal itu boleh ditarik atau digantung sekiranya pihak panel penyiasat mendapati dakwaan pelanggaran etika kewartawanan benar-benar berlaku.

Melalui Majlis Akhbar ini juga, masyarakat yang merasakan diri mereka menjadi mangsa kepada akhbar boleh membuat aduan kepada panel penyiasat agar keadilan boleh diwujudkan dan pihak yang melanggar etika kewartawanan boleh diambil tindakan yang sewajarnya.